

‘Pendirian Malaysia jelas, lantang’

Pembunuhan kanak-kanak, wanita dan insan tidak berdosa di Palestin mesti dihentikan



Malaysia sudah menyatakan pendirian negara ini secara jelas dan lantang terhadap konflik Israel-Palestin serta krisis kemanusiaan yang sedang berlaku di Gaza ketika ini, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pendirian Malaysia yang di-suarakan Perdana Menteri itu-mendapat perhatian Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden, apabila perkara itu dibang-

kitkan pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), 2023, di sini.

Perdana Menteri berkata, suasana bertukar senyap apabila beliau membicarakan mengenai ketidakadilan yang dialami rakyat Palestin dan bagaimana dunia tidak boleh menutup mata terhadap krisis kemanusiaan di Gaza.

Katanya, kedua-dua negara berpeluang menyatakan pendirian masing-masing dan membincangkan mengenai isu ini.

“Malaysia menyatakan pendirinya dan saya menyentuh mengenai keperluan untuk berlaku adil dan tindakan yang konsisten dalam menangani krisis berkenaan

“Saya mengambil kesempatan menceritakan kepada Presiden Biden mengenai pendirian tegas beliau ketika saya didera secara tidak adil dan dipenjarakan sebelum ini.

“Saya memberitahu beliau bahawa saya merayu kepadanya untuk mengamalkan prinsip yang sama untuk menghentikan pembunuhan terhadap wanita, kanak-kanak dan insan yang tidak berdosa di Gaza....Saya melihat keadaan bilik bertukar senyap apabila saya bercakap mengenai

perkara ini,” katanya.

Beliau memberitahu media Malaysia selepas selesai Sidang Kemuncak APEC 2023 di sini, semalam.

Anwar berkata, selain Golden Gate Declaration yang dikeluarkan oleh pemimpin APEC sempena sidang itu, Malaysia bersama-sama Indonesia dan Brunei, sebulat suara mengeluarkan kenyataan bersama menggesa gencatan senjata dengan segera dan berkekal di Gaza.

“Malaysia, Indonesia dan Brunei memutuskan mengeluarkan kenyataan itu, susulan keputusan Pengerusi APEC mengeluarkan kenyataan berasingan mengenai pencerobohan di Ukraine,” katanya.

Sementara itu, menerusi kenyataan bersama yang dikeluarkan Malaysia bersama Indonesia dan Brunei, ketiga-tiga negara menggesa supaya gencatan senjata dan perdamaian kemanusiaan yang berkekal dicapai di Semenanjung Gaza, dan seterusnya membawa kepada berakhirnya sengketa permusuhan di kawasan berkenaan.

Menurut ketiga-tiga negara itu, mereka menyambut baik

deklarasi *Golden Gate Declaration* oleh pemimpin-pemimpin APEC 2023, yang dilihat mencerminkan konsensus mengenai semua isu ekonomi yang menjadi perhatian bersama.

Bagaimanapun memandangkan pengerusi perkumpulan itu mengeluarkan satu Kenyataan Pengerusi berasingan mengenai pencerobohan di Ukraine; maka Malaysia bersama Indonesia dan Brunei, memutuskan ia juga akan melakukan perkara yang sama berkaitan Gaza.

“Sehubungan itu kami bersejutu mengeluarkan kenyataan berikut untuk memberikan gambaran yang lebih baik dan adil tentang perbincangan mengenai malapetaka kemanusiaan di Gaza, semasa Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC,” menurut kenyataan bersama itu.

Ketiga-tiga negara itu secara serius mengakui amat prihatin kepada penderitaan hebat yang dialami orang ramai, dan kesan buruk peperangan serta konflik di seluruh dunia.

“Kami menegaskan bahawa konflik boleh membawa kesan yang signifikan kepada ekonomi global. Kami juga menegaskan bahawa konflik boleh membawa

kesan yang signifikan kepada ekonomi global.

“Kami menggesa supaya diwujudkan gencatan senjata dan perdamaian kemanusiaan yang lebih pantas, berpanjangan, serta berterusan, dan seterusnya membawa kepada berhentinya sengketa akibat permusuhan di Semenanjung Gaza,” menurut kenyataan itu.

Ia turut menekankan keperluan untuk penyediaan barangan dan perkhidmatan kepada orang awam dengan kadar segera, berterusan, mencukupi dan tanpa halangan, di seluruh Gaza.

“Kami tegaskan semula, bahawa penyelesaian yang adil dan berkekal kepada konflik Israel-Palestin hanya boleh dicapai dengan cara aman, berdasarkan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan, termasuk Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu A/ES-10/L.25 dan Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu 2712, dan mengikut undang-undang antarabangsa, berdasarkan penyelesaian dua Negara, berdasarkan sempadan sebelum 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kota Palestin.”